

CNS9734

UGB 12-12 00204 BA942

aab

Mahathir - Pinda

PINDAAN PERLEMBAGAAN KE SIDANG KHAS PARLIMEN DALAM TEMPOH SEBULAN

XUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama)-- Satu persidangan khas Parlimen akan diadakan kira-kira sebulan lagi untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi melucutkan kekebalan raja-raja di sisi undang-undang dan sebarang perkara yang boleh menjejaskan pindaan tersebut.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) yang mengadakan persidangan khas hari ini menyokong penuh sistem Raja Berperlembagaan tetapi tidak bersetuju keistimewaan yang diberi kepada raja-raja yang tidak boleh didakwa di mahkamah walau apa pun kesalahan dilakukan.

+Dewan Tertinggi BN bersetuju dengan persidangan yang akan diadakan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk membuat pindaan membatalkan kekebalan yang diberi kepada raja-raja dan apa-apa yang boleh menjejaskan pindaan itu,+ katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat selama sejam itu di ibu pejabat UMNO, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, pindaan itu akan dibuat terlebih dahulu sebelum dikemukakan kepada Majlis Raja-raja untuk diperkenankan.

Ditanya apa akan berlaku sekiranya Majlis Raja-raja enggan menandatangani pindaan itu, beliau berkata: +Kalau dia (Majlis Raja-raja) tandatangan tidak ada apalah. Kalau kita ada pindaan itu pun, kalau dia tidak ada persetujuan, keadaannya serupa juga+. -- Lagi

▼12/12/17-23MST

CNS9748

U GB 12-12 00144 BA948

aab

Mahathir - Pinda 2 Kuala Lumpur

Bagaimanapun, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, Dewan Tertinggi BN berpendapat bahawa raja-raja akan patuh kepada desakan seluruh rakyat Malaysia.

+Ini kerana tuntutan rakyat dapat dilihat dengan jelas dalam perbahasan usul Raja Berperlembagaan di Dewan Rakyat (Khamis lepas) yang turut disokong parti pembangkang,+ katanya.

Perdana Menteri berkata, kehendak rakyat itu juga dapat dilihat +melalui tulisan dan lisan yang jelas mahukan pindaan kepada kekebalan itu.+

Mengenaisaranan DAP supaya diadakan sebuah jawatankuasa khas meliputi semua parti politik di negara ini untuk membincangkan pindaan itu, beliau berkata: +Pada pendapat kita, perkara ini adalah mudah dan melibatkan satu perkara dan apa-apa yang menjejaskan pembatalan (kekebalan itu). Dengan itu tidak payah ada rundingan+.

Katanya, parti pembangkang boleh menyatakan pendirian mereka semasa perbahasan pindaan itu kelak. -- Lagi

▼12/12/17-48MST

^
CNS9752

U GB 12-12 0011.7 BA949

aab

Mahathir - Pinda 3 Kuala Lumpur

Ketika di tanya samaada kerajaan sudah menghadap raja-raja berhubung perkara itu, beliau berkata : +Secara rasmi tidak ada+.

Ini kerana, katanya, buat masa ini cadangan pindaan tersebut tidak melibatkan Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja.

Dr Mahathir berkata, pindaan yang akan dibuat itu tidak menyentuh semua keistimewaan yang diberi kepada raja-raja.

Sebagai contoh, katanya, kedudukan raja-raja sebagai Ketua Agama Islam di negeri masing-masing tidak dihapuskan.

Mengenai lawatannya ke Johor minggu depan, beliau berkata, ianya sudah lama dirancang iaitu untuk menghadiri majlis makan malam Dewan Perniagaan Melayu Johor dan tidak ada kena mengena dengan isu yang berbangkit sekarang.

-- Lagi

♥12/12/17-51MST

aab

Mahathir - Pinda 4 Kuala Lumpur

Bagaimanapun, katanya, sekiranya ada masa, beliau akan menemui anggota UMNO negeri itu.

Ketika ditanya cadangan beberapa Badan Perhubungan UMNO Negeri untuk menghadap raja masing-masing, beliau berkata : +Itu dia boleh buat+.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata, isu pindaan Perlembagaan itu tidak akan menjejaskan hubungan antara kerajaan pusat dan negeri.

Mengenai kedudukan pasukan Timbalan Setia Negeri, Dr Mahathir berkata, kerajaan mungkin membubarkan pasukan itu kerana ada tanda-tanda yang menunjukkan pasukan tersebut telah disalahguna untuk membantu atau bersubahat dalam kegiatan salah.

Menurut beliau, penubuhan pasukan itu hanyalah untuk tugas-tugas istiadat tetapi kerajaan mendayat maklumatnya telah terlibat diluar tujuan asal penubuhannya. -- Lagi

♥12/12/18-16MST

CNS9777

U GB 12-12 00087 BA954

aab

Mahathir - Pinda 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Babapula berkata, kerajaan akan juga menimbangkaio kemungkinan meminda kuasa pengampunan yang adapada raja-raja semasa membuat pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Ketika ditanya kenapa isn raja memukul rakyat. tidak dibangkitkan sebelum ini, Ghafar yang juga Setiausaha Agung RN berkata : +Pada masa dulu orang takut untuk buat laporan (polis)+.

+Kita mahu cuba memperbaiki cara rundingan tetapi nampak tidak jalan juga,+ kata beliau. -- Bernama

♥12/12/18-17MST